



Siri Hadis an-Nabawi



Siri Hadis an-Nabawi

031
2024 | النبيان

Memupuk Persaudaraan &

Menjaga Privasi Orang Lain

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:
إِيَّاكُمْ وَالظَّنَّ فَإِنَّ الظَّنَّ أَكْذَبُ الْحَدِيثِ وَلَا تَحَسَّسُوا وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا تَنَافَسُوا
وَلَا تَحَاسَدُوا وَلَا تَبَاغَضُوا وَلَا تَدَابُرُوا وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Jauhi berprasangka buruk kerana prasangka buruk ialah ucapan yang paling dusta. Janganlah kamu semua saling mencari-cari isu (kesalahan), janganlah saling mengintip untuk mencari kesalahan, janganlah saling bersaing (untuk mendapatkan habuan dunia), janganlah saling mendengki, janganlah saling membenci dan janganlah kamu semua saling membelakangi (memusuhi). Tetapi, jadilah kamu semua hamba Allah yang bersaudara."

(Hadis Riwayat Muslim, no. 2563)

<https://muftinegeri.sarawak.gov.my> +60 82-507500

Memupuk Persaudaraan & Menjaga Privasi Orang Lain

حدثنا يحيى بن يحيى قال قرأت على مالك عن أبي زناد عن الأعراج عن أبي هريرة أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: إِيَّاكُمْ وَالظَّنَّ، فَإِنَّ الظَّنَّ أَكْذَبُ الْحَدِيثِ، وَلَا تَحَسَّسُوا، وَلَا تَجَسَّسُوا، وَلَا تَنَافَسُوا، وَلَا تَحَاسَدُوا، وَلَا تَبَاغَضُوا، وَلَا تَدَابُرُوا، وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا

Maksudnya: "Yahya bin Yahya telah memberitahu kepadaku, ia berkata, Aku membaca hadis kepada Malik, dari Abu Zinad, dari al-'Araj, dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam bersabda: "Jauhi berprasangka buruk kerana prasangka buruk ialah ucapan yang paling dusta. janganlah kamu semua saling mencari-cari isu (kesalahan), janganlah saling mengintip untuk mencari kesalahan, janganlah saling bersaing (untuk mendapatkan habuan dunia), janganlah saling mendengki, janganlah saling membenci dan janganlah kamu semua saling membelakangi (memusuhi). Tetapi, jadilah kamu semua hamba Allah yang bersaudara."

(Hadis Riwayat Muslim, no. 6482)

Kita sebagai muslim yang beriman kepada Allah *Subhanahu wata'ala* wajib bagi kita menjaga hak-hak sesama muslim. Salah satu daripada hak sesama muslim yang perlu kita ambil berat adalah menjaga aib mereka dan tidak menyibukkan diri untuk menyebarkan aib mereka kepada khalayak umum.

Di dalam hadis ini Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* melarang dan meminta kita untuk berhati-hati dalam perkara yang membawa kepada perpecahan, kebencian dan permusuhan di antara sesama manusia.

Lima faedah yang terkandung dalam hadis ini iaitu:

- 1) Dilarang berprasangka buruk terhadap orang lain.
 - ✓ Sangkaan merupakan tomahan atau tuduhan yang datang daripada hati tanpa bukti sehingga mengundang kepada sangka buruk (su'u ad-dzon), dan Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam* menyebut bahawa di dalam bersangka-sangka itu ada ucapan yang paling dusta.
- 2) Mencari-cari aib orang lain (mengintip kesalahan).
 - ✓ Termasuk dalam menjaga hak muslim ialah menyembunyikan aib (hal-hal yang memalukan) yang ada pada diri muslim yang lain. Seharusnya kita perlu menutup segala aib yang ada pada saudara kita bukan untuk dijadikan bahan atau disebar kepada orang lain.

مَنْ سَتَرَ عَلَى مُسْلِمٍ سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Maksudnya: “Sesiapa menutupi aib saudara muslimnya nescaya Allah menutup aibnya didunia dan di akhirat.”

(Syu'bul Iman, no.6231)

- 3) Saling bersaing untuk mencari kemegahan dunia
 - ✓ Bersaing dalam mencari kemegahan dunia (cinta kepada dunia), gemar kemasyhuran dan harta termasuk perkara-perkara yang membinasakan seseorang hamba Allah *Subhanahu wata'ala*. Bahkan Allah *Subhanahu wata'ala* memberi ancaman atas perbuatan tersebut.

- ✓ Firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَزِينَتَهَا نُوَفِّ إِلَيْهِمْ أَعْمَلَهُمْ فِيهَا وَهُمْ فِيهَا لَا يُبْخَسُونَ ﴿١٥﴾ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ لَيْسَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ إِلَّا النَّارُ وَحَبِطَ مَا صَنَعُوا فِيهَا وَبَاطِلٌ مَّا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾

Maksudnya: “Sesiapa yang keadaan usahanya semata-mata berkehendakkan kehidupan dunia dan perhiasannya (dengan tidak disaksikan sama oleh Al-Quran tentang sah batlnya), maka Kami akan sempurnakan hasil usaha mereka di dunia, dan mereka tidak dikurangkan sedikitpun padanya. Merekalah orang-orang yang tidak ada baginya pada hari akhirat kelak selain daripada azab neraka, dan pada hari itu gugurlah apa yang mereka lakukan di dunia, dan batallah apa yang mereka telah kerjakan”.

(Surah Hud 11:15-16)

4) Saling dengki, bermusuhan dan membenci

- ✓ Allah *Subhanahu wata'ala* telah memerintahkan kepada kita untuk tidak saling dengki di antara satu sama lain bahkan ianya mendatangkan kepada dosa bagi pelakunya
- ✓ Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِيَّاكُمْ وَالْحَسَدُ فَإِنَّ الْحَسَدَ يَأْكُلُ الْحَسَنَاتِ كَمَا تَأْكُلُ النَّارُ الْخُطْبَ

Maksudnya: “Hindarilah dari hasad, kerana hasad itu memakan amal kebaikan seperti api yang membakar kayu”

(Hadis Riwayat at-Tabarani, no. 6184)

5) Memupuk hubungan persaudaraan

- ✓ Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

الْمُؤْمِنُ كَالْجَسَدِ الْوَاحِدِ، إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ.. تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالْحُمَى وَ

السَّهَرِ

Maksudnya: “Orang-orang yang beriman itu seperti satu tubuh, apabila salah satu anggota tubuh mengadu (kesakitan), anggota tubuh yang lain turut merasa sakit (menanggung rasa yang sama) dan tidak dapat tidur malam.”

(Hadis Riwayat Bukhari, no. 2011)

- ✓ Kita dituntut untuk sentiasa mencintai saudara Islam kita kerana ianya merupakan sebagai kesempurnaan keimanan seseorang mukmin. Jika kita ingin menjadi seorang muslim yang beriman maka cintailah saudara kita daripada kebaikan yang ada padanya bukan kita merasa hasad dan dengki kebaikan yang ada pada diri saudara kita. Tidak dinafikan bahawa lumrah seorang manusia itu ingin merasa lebih baik berbanding yang lain sehingga mendatangkan perasaan dengki terhadap orang lebih baik darinya atau setaraf dengannya. Hal ini sangat ditegah dalam Islam.

- ✓ Firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

وَلَا تَتَمَنَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ

Maksudnya: “Dan janganlah kamu terlalu mengharap (ingin mendapat) limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian dari kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran).”

(Surah an-Nisa 3:32)

- ✓ Jelas maksud firman Allah *Subhanahu wata'ala* ini ialah larangan daripada untuk hasad ke atas kurniaanNya terhadap orang lain sama ada rezeki, pangkat dan sebagainya. Apabila berlakunya hasad terhadap saudara kita yang lain maka akan terhakislah rasa kecintaan terhadap mereka dan tidak dapat membentuk hubungan persaudaraan yang sejahtera.

Kita seharusnya berpegang dengan pesanan Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* seperti yang dinyatakan dalam hadis di atas agar kita sentiasa berjaga-jaga untuk tidak menjadi orang yang merosakan hubungan persaudaraan dan menyalakan api kebencian sesama muslim. Tinggalkan sesuatu perkara yang tidak mendatangkan manfaat kepada kita dan fokus dengan perkara yang mendatangkan manfaat kepada kita. Syaitan amat gembira melihat orang Islam berpecah belah, saling membenci, bermusuhan dan tidak bersatu padu supaya agama Islam menjadi goyah. Oleh itu, tingkatkan ketaatan kita kepada Allah *Subhanahu wata'ala* agar dapat mengelakkan diri kita daripada melakukan perkara yang munkar seperti lima perkara yang dinyatakan di atas. Wallahu 'alam.